

Headline	Bayar bil elektrik melalui saluran rasmi		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	09 Jan 2020	Language	Malay
Circulation	82,252	Readership	246,756
Section	Nasional	Page No	47
ArticleSize	81 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 4,098		



Bayar bil elektrik melalui saluran rasmi

Kuala Lumpur: Orang ramai dinasihatkan membayar bil elektrik melalui saluran rasmi ditetapkan Tenaga Nasional Berhad (TNB), bagi mengelak daripada ditipu pihak menyalurkan sebagai ejen kutipan bil syarikat itu.

Tiga saluran utama ditetapkan TNB ialah membayar di kios atau kaunter Kedai Tenaga seluruh negara dan secara dalam talian menerusi portal myTNB atau aplikasi mudah alih myTNB.

Pembayaran juga boleh dibuat melalui perbankan dalam talian dan JomPay, selain di kaunter Pos Malaysia, rangkaian kedai serbaneka 7-Eleven, Kedai Mesra PETRONAS, rangkaian kedai 99 Speedmart serta kios PayQuick.

Ketua Pegawai Retail TNB, Megat Jalaluddin Megat Hassan, berkata pengguna juga boleh mendaftar untuk pembayaran bulanan melalui potongan debit secara terus pada kad kredit atau debit masing-masing.

Beliau berkata, ia berikutnya TNB masih menerima aduan pengguna mengenai sindiket penipuan membabitkan pembayaran bil elektrik.